

02/07/2003

Sikap pemimpin Singapura punca isu air buntu: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, isu penetapan harga air dengan Singapura sukar diselesaikan kerana sikap pemimpin republik itu yang membantutkan perbincangan lanjut termasuk sanggup menyiarkan kandungan surat-menyurat untuk propaganda.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, pilihan terakhir bagi Malaysia untuk menyelesaikan isu berkenaan ialah menyerahkannya kepada keputusan Mahkamah Timbang Tara.

Beliau berkata, walaupun pemimpin kedua-dua negara kerap mengadakan pertemuan sebelum ini, ia tidak mendatangkan hasil kerana Singapura tidak bersetuju dengan kadar baru yang dicadangkan Malaysia.

"Soalnya mudah sangat, apa saja yang dijual pada harga tiga sen pada 1927, dijual pada tiga sen juga pada 2003. Adalah amat mengecewakan untuk

ambil tiga sen. Sama ada ia 45 sen, 60 sen atau RM3, itu adalah sesuatu yang kita harus bincang, tetapi sudah pasti bukan pada harga tiga sen.

"Jika mereka boleh jual kepada kita sesuatu yang dikeluarkan oleh Singapura pada harga tiga sen pada 1927, contohnya, tanah mereka, kita pun

berminat nak beli pada tiga sen," katanya selepas merasmikan Konvensyen Dinar Emas sebagai alternatif mata wang antarabangsa anjuran Dewan Perdagangan Islam Malaysia Kuala Lumpur (DPIMKL) di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai isu air yang kembali hangat berikutan tindakan Singapura menerbitkan buku Rundingan Air-Hakikat Sebenarnya, antara lain memuatkan surat-menyurat pemimpin dan pegawai kanan kedua-dua negara dalam rundingan isu harga air.

Malaysia menjual air yang belum dirawat pada harga tiga sen bagi setiap

1,000 gelen ke Singapura iaitu kadar harga sejak 1927.

Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, dalam kunjungannya ke sini pada 2001, menawarkan harga 45 sen sehingga tahun 2011, dan 60 sen mulai 2011 sehingga 2061, dan harga yang sama berterusan sehingga 100 tahun selepas itu.

Malaysia pula menetapkan syarat bahawa Singapura perlu membayar 60 sen dari 2002 hingga 2007, dan dinaikkan kepada RM3 sehingga 2011. Selepas 2011, Malaysia menuntut struktur harga baru menggunakan formula baru juga.

Singapura bukan saja tidak bersetuju dengan formula baru itu malah mencabar setiap aspek berhubung hak Malaysia untuk menyemak semula harga air mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962 antara kedua-dua negara.

Ditanya sama ada beliau akan menemui Perdana Menteri Singapura, Goh Chok

Tong untuk menyelesaikan kebuntuan isu harga air sebelum bersara Oktober ini, Dr Mahathir berkata:

"Kita dah jumpa banyak kali, tapi tak ada apa. (Dia) tak setuju.

Takkan

dia nak selesaikan, bermakna kita kena bersetuju dengan apa yang orang kata."

Kepada soalan bahawa perbincangan berlarutan itu harus diselesaikan oleh

bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata: "Ya...mungkin. Tak mengapa. Kerajaannya masih sama, cuma pemimpin berbeza."

Perdana Menteri berkata, buat masa ini kedua-dua kerajaan tidak akan memulakan perbincangan baru mengenai isu air.

"Tak ada cadangan kerana kita tidak akan capai persetujuan. Dia dah hebahkan macam itu, kita pun susahlah nak bercakap, hendak tulis surat pun

dah susah la ni. Mereka gunakan (surat) sebagai bukti terhadap kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan turut menerbitkan buku kecil atau rencana di akhbar bagi menjawab perkara yang dibangkitkan Singapura dalam

kempennya memburuk-burukkan negara ini berhubung isu itu.

"Kita perlu jelaskan semuanya. Kita akan keluarkan versi kita mengenai masalah ini. Mereka telah berikan versi mereka, dan kita fikir itu tidak wajar langsung," katanya.

Mengenai kemungkinan Malaysia menyiarkan semua surat antara pemimpin kedua-dua negara seperti dilakukan negara jiran itu, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan berbuat demikian kerana itu tidak beretika.

Beliau berkata kerajaan Malaysia berpegang kuat kepada amalan antarabangsa bahawa surat persendirian tidak harus disiarkan atau dipamerkan.

"Sekarang ini amat susah untuk menulis surat kerana kita tahu ia akan dijadikan sebagai propaganda," katanya.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kesenian Singapura yang menerbitkan buku kecil itu antara lain menuduh Malaysia sebagai pihak yang

tidak munasabah sehingga menyebabkan perbincangan mengenai air tergendala,

dan sering menukar pendiriannya dalam menetapkan harga air mentah.